

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SPM 2022  
PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

**Kertas 2**

**1103/2**

---

**SET 1**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

## **MARKAH PENUH:100 MARKAH**

### **BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh: 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 4 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata majmuk mantap** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata majmuk mantap** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul,berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa,berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih,berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas,berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan /jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

#### **Soalan 1 -Morfologi**

##### **Kata Majmuk mantap**

i) kerjasama

1. Kerja (usaha dsb) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak), bergotong-royong

ii) kakitangan

1. Pekerja (pejabat, syarikat dll), pembantu ( yang turut melaksanakan atau menguruskan kerja)

iii) tanggungjawab

1. Kewajipan yang dipikul oleh seseorang, segala yang wajib ditanggung

iv) antarabangsa

1. Antara atau dalam kalangan negara-negara, melibatkan dua atau lebih negara

v. Beritahu

1. memberitahu, memberi khabar kepada seseorang supaya tahu, memaklumi

Contoh ayat:

- i) Pertandingan memancing itu berlangsung dengan jayanya kerana mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat.
- ii) Ayah Mira merupakan seorang daripada kakitangan syarikat penerbangan tambang rendah yang terkenal di Malaysia.
- iii) Setiap anggota polis mempunyai tanggungjawab yang amat besar khususnya berkaitan isu keselamatan negara.
- iv) Semua atlet pastinya mempunyai impian untuk beraksi dalam kejohanan sukan peringkat antarabangsa.
- v) “ Saya tidak akan tahu tentang maklumat tersebut jika Alia tidak beritahu saya,” kata Ayu kepada Siti.

[8 markah]

### Soalan 2 : Sintaksis

No	Ayat Aktif	Ayat Pasif
1.	Lulusan teknik dan vokasional (TVET) mempunyai peluang yang lebih luas untuk mendapat pekerjaan.	Peluang yang lebih luas untuk mendapat pekerjaan dipunyai oleh lulusan teknik dan vokasional (TVET).
2.	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET dalam pasaran buruh dan ekonomi negara.	Penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET dalam pasaran buruh dan ekonomi negara telah diberikan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.
3.	Kita tidak dapat menyangkal kepentingan TVET dalam kalangan anak muda.	Kepentingan TVET dalam kalangan anak muda tidak dapat kita sangkal.

[6 markah]

### Soalan 3-Penyuntingan

- i) berisrehat - beristirahat
- ii) berkerja - bekerja
- iii) pelusuk - pelosok
- iv) dimanfaat - dimanfaatkan
- v) negara kita miliki - dimiliki negara kita/ dimiliki oleh negara kita
- vi) memukau - memikat
- vii) disamping - di samping
- viii) mempekasakan - memperkasakan
- ix) ialah - adalah
- x) mengambil - memerlukan
- xi) mewah - lumayan
- xii) warga negara - warganegara
- xiii) di - pada

[13 markah]

#### Soalan 4 : Bahasa Standard

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat <b><i>kurang</i></b> gramatis	3-2
Isi <b><i>tidak</i></b> lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi <b><i>tidak</i></b> lengkap, mengikut urutan dan ayat <b><i>tidak</i></b> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat/Isi tidak mengikut urutan/salah fakta	0

Kertala Sari berjalan ke tengah-tengah pasar itu. Kakinya tertendang pada tubuh/badan Laksamana. Kertala Sari berdiri di bahagian kepala Laksamana itu, lalu dia berkata, “Terpijak mayat pula aku ini!” Semasa Laksamana tidur kerisnya telah sedia terhunus, lalu dia/Laksamana bangun melompat dan menikam dada Kertala Sari hingga tembus ke belakangnya. Laksamana berkata, “Cis, mati engkau olehku!”

[4 markah]

#### Soalan 5-Peribahasa

Bil	Peribahasa dalam petikan	Peribahasa yang sama maksud
1	Bertikam lidah [1 markah]	- bertegang leher - perang mulut [1 markah]
2	Air dicencang tidak akan putus [1 markah]	- Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum jua [1 markah]
3	Seperti api dalam sekam [1 markah]	- Bagai gunting dalam lipatan - Bagai musuh dalam selimut [1 markah]

\*Pilih mana-mana dua jawapan sahaja

[4 markah]

## **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

### **Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### **Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat <b>tidak</b> gramatis	1
- Jawapan <i>kurang</i> tepat / isi <b>tidak</b> cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah : Pemahaman teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (1@2 isi) / <b>tidak</b> menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup isi (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup(1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

5. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup ( 3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

## **SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

- (i) dua jenis buli yang sering dilakukan secara individu atau berkumpulan.  
P1 aspek psikologi  
P2 fizikal  
P3 lisan

**[Maksimum:2 markah]**

**[Isi cukup:2 isi]**

Nota: jawapan calon mesti berdasarkan bahan 1

- (ii) faktor-faktor yang menyebabkan gejala buli berlaku

### **Bahan 1**

- P1 faktor persekitaran sosial seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang.  
P2 aspek psikologi yang berkaitan dengan gangguan mental, iaitu ingin mencari keseronokan dan mencapai kepuasan dengan membuli orang lain.  
P3 pengaruh media massa yang sering memaparkan aksi ganas.

### **Bahan 2**

- P1 ingin berseronok dan mencapai kepuasan  
P2 mengalami gangguan mental  
P3 ingin menunjuk kekuasaan dan menguasai orang lain  
P4 aktiviti sesuatu kumpulan contohnya gangterisme.

**[Maksimum:3 markah]**

**[Isi cukup:2 isi]**

Nota: Jawapan calon mesti berdasarkan semua bahan

- (ii) Pada pendapat saya, langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani gejala buli  
P1 mengenakan hukuman yang berat kepada pembuli seperti dibuang sekolah  
P2 memasang CCTV di kawasan yang berisiko berlakunya gejala buli  
P3 memastikan pengawas dan guru disiplin memainkan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan / memantau tingkah laku murid  
P4 menyediakan peti aduan/saluran untuk murid mengadukan masalah buli  
P5 menekankan murid-murid dengan didikan agama dan nilai murni  
P6 memastikan pihak kaunselor melaksanakan program antibuli  
P7 mengadakan pameran tentang keburukan gejala buli

**[Maksimum:4 markah]**

**[Isi cukup:3 isi]**

Nota: Terima mana-mana isi yang sesuai.

(iii) tindakan-tindakan yang wajar diambil oleh rakan anda untuk mengatasi masalah buli

- P1 Rakan saya melaporkan kejadian kepada guru disiplin/ kaunselor
- P2 Rakan saya memberitahu ibu bapa tentang kejadian buli tersebut
- P3 Rakan saya tidak berjalan seorang diri bagi mengurangkan risiko dibuli
- P4 Rakan saya melaporkan perbuatan buli tersebut pihak berkuasa/pihak polis

**[Maksimum:4 markah]**

**[Isi cukup:3 isi]**

Nota: Terima mana-mana isi yang sesuai.

## **SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA**

- (i) Maksud *menyentuh perasaan*  
P1 - menjentik/menyenggung hati/emosi [2 markah]
- P2 - menyentuh hati/emosi [1 markah]
- P3 - menjentik/menyenggung perasaan [1 markah]

**[maksimum : 2 markah]**

- (ii) Pesanan ibu kepada anaknya :

### **Bahan 1**

- P1 Harus bijak memilih kawan  
P2 Kawan yang baik haruslah didampingi  
P3 Kawan yang tidak baik haruslah disempadani  
P4 Janganlah terpengaruh dengan ajakan kawan yang boleh membawa kemusnahan

### **Bahan 2**

- P5 Bacalah buku selalu  
P6 Kukuhkan diri dengan ilmu  
P7 Pilihlah kawan yang mulia hati  
P8 Tolaklah kawan pementing diri  
P9 Pilihlah kawan yang punya petunjuk  
P10 Tolaklah kawan bertabiat buruk  
P11 Jagalah diri selalu  
P12 Jangan dibiarkan kepala berkutu  
P13 Carilah ubat jerawat batu

### **Catatan :**

**Jawapan murid mestilah berdasarkan semua bahan.**

**[maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) Cara membalas jasa ibu bapa :

- P1 Belajar bersungguh-sungguh
- P2 Menjaga maruah keluarga
- P3 Meraikan hari-hari istimewa ibu bapa
- P4 Membawa ibu bapa melancong
- P5 Menjaga kebajikan ibu bapa
- P6 Sentiasa menziarahi ibu bapa

**[maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) Tindakan yang diambil untuk membantu rakan :

- P1 Saya menyiaran kisah tersebut dalam media sosial untuk meminta bantuan orang ramai
- P2 Saya menceritakan masalah tersebut kepada ibu bapa/meminta bantuan ibu bapa
- P3 Saya meminta bantuan guru/pihak sekolah untuk melancarkan tabung sumbangan
- P4 Saya berjumpa dengan ketua kampung/wakil rakyat untuk mendapatkan bantuan
- P5 Saya memberi cadangan kepada rakan untuk mencuba rawatan alternatif yang kosnya lebih murah

[maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

### SOALAN 8 - NOVEL

(i) Keadaan Soft Lab...

- P1 Lorong yang agak sempit.
- P2 Di kanannya dinding konkrit,
- P3 Di sebelah kiri dinding kaca lut sinar
- P4 Terdapat deretan ruang kerja beberapa puluh orang pekerja Soft Lab
- P5 Terdapat sebuah pintu kecil yang memerlukan imbasan retina dan juga jari.
- P6 Pintu itu tidak diletakkan sebarang tanda.

[maksimum: 4 markah]

Terima mana-mana tiga isi

#### Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi/fakta/peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi ulasan/ huraian yang lengkap / jelas.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah.
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara gambaran seluruh.  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

(ii) **satu** peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan perasaan kasih sayang .

### **Jendela Menghadap Jalan**

- P1 Peristiwa Lili pulang ke kampung datuk dan neneknya di Dungun, Terengganu walaupun dia telah merancang untuk menghabiskan cuti persekolahan bersama rakan-rakannya. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang terhadap ibunya kerana akur suruhan ibunya dan tidak mahu melukakan hati ibunya.
- P2 Peristiwa datuk dan nenek Lili risau akan keselamatan Lili apabila mengetahui Lili diculik oleh Rafik dan Haziq. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang datuk dan nenek terhadap cucunya.
- P3 Peristiwa nenek yang bimbang akan keselamatan datuk yang tidak pulang semalam setelah mencari akar kayu dan herba di dalam hutan. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang isteri terhadap suaminya.

### **Songket Berbenang Emas**

- P1 Peristiwa Dahlia sanggup berulang -alik dari rumah ke sekolah untuk menguruskan keperluan adik-adiknya setelah ibunya dirawat di hospital. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang kakak terhadap adik-adiknya.
- P2 Peristiwa Embong sanggup melakukan dua kerja untuk menampung keperluan keluarganya. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang ketua keluarga terhadap anak dan isterinya.
- P3 Peristiwa Embong tidak merelakan isterinya dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang suami terhadap isterinya.
- P4 Peristiwa Dahlia yang bimbang akan Nek Kiah yang tidak kelihatan selama dua hari. Peristiwa ini menunjukkan perasaan kasih sayang seorang cucu terhadap neneknya.

[Terima mana-mana isi lain yang sesuai.]

### **SOALAN 9 : RUMUSAN**

#### **BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 markah]

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

(a) Isi - **20** markah

(b) Bahasa - **10** markah

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
  - nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bahagian Isi Diterima							Markah Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>									2
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>									
Fokus 1 (kepentingan/ manfaat / kelebihan/ kebaikan)	3	3	2	1	1	2	2		
Fokus 2 (Cabaran /Halangan / kekangan / masalah)	2	2	1	2	1	2	2		
<b>(iii) Isi Bahan 2</b>									16
Fokus 1 (kepentingan/ manfaat / kelebihan/ kebaikan)	3	2	3	3	3	2	3		
<b>(iv) Isi Bahan 3</b>									
Fokus 2 (Cabaran /Halangan / kekangan / masalah)	3	1	2	2	3	2	1		
<b>Jumlah Isi</b>	11	8	8	8	8	8	8		
<b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>									2
<b>Jumlah Markah</b>									<b>20</b>

**Soalan 9 : Rumusan**

	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>MARKAH</b>
--	--------------------	---------------

<b>P1</b>	Rumusan membincangkan kepentingan/ manfaat / kelebihan/ kebaikan Konsep Sekolahku SEJAHTERA dan cabaran pelaksanaan Konsep Sekolahku SEJAHTERA	<b>2</b>
<b>P2</b>	Rumusan membincangkan kepentingan/ manfaat / kelebihan/ kebaikan Konsep Sekolahku SEJAHTERA	<b>1</b>
	<b>FOKUS 1: kepentingan/ manfaat / kelebihan/ kebaikan Konsep Sekolahku SEJAHTERA</b>	
	<b>Bahan 1</b>	
<b>A1</b>	Pelajar yang lahir daripada sistem pendidikan negara mampu bersaing pada peringkat dunia.	<b>2</b>
<b>A2</b>	sekolah tetap menjadi tempat yang selamat, seronok dan melahirkan murid yang sihat.	<b>2</b>
<b>A3</b>	Sekolah akan menjadi platform ampuh untuk membentuk etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi dalam kalangan murid	<b>2</b>
	<b>Bahan 2</b>	
<b>B1</b>	memandu guru melahirkan insan cemerlang	<b>2</b>
<b>B2</b>	menyemai benih-benih nilai di jiwa-jiwa suci harapan nusa	<b>2</b>
<b>B3</b>	terjamin keselamatan anak bangsa	<b>2</b>
	<b>FOKUS 2: Cabaran /Halangan / kekangan / masalah pelaksanaan Konsep Sekolahku SEJAHTERA</b>	
	<b>Bahan 1</b>	
<b>C1</b>	Untuk mendapatkan kerjasama seluruh warga sekolah bukannya mudah.	<b>2</b>
<b>C2</b>	Pengaruh rakan sebaya yang negatif	<b>2</b>
	<b>Bahan 3</b>	
<b>D1</b>	Pengaruh modenisasi yang begitu meluas	<b>2</b>
<b>D2</b>	Bukan mudah hendak mengubah sikap yang sudah sebatи dalam diri murid	
<b>D3</b>	masih terdapat ramai ibu bapa yang mengabaikan penerapan nilai dalam diri anak-anak.	<b>2</b>
	<b>Kesimpulan</b>	
<b>K1</b>	Kerajaan hendaklah berusaha memperkasakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA agar kualiti murid dapat ditingkatkan.	<b>2</b>
<b>K2</b>	Pihak sekolah hendaklah melipatgandakan usaha memperkasakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA agar murid yang berkualiti dapat dilahirkan.	<b>2</b>
<b>K3</b>	Konsep Sekolahku SEJAHTERA hendaklah diperkasakan agar murid yang berkualiti dapat dilahirkan.	<b>2</b>
<b>K4</b>	Kerajaan hendaklah berusaha memperkasakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA.	<b>1</b>
	<b>(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)</b>	